

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YFP 221 – PENERBITAN AUDIO

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan No. 1** yang diwajib dan **SATU** soalan lain.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Tulis nota ringkas mengenai **EMPAT** daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Terangkan tiga ciri-ciri utama seorang personaliti DJ yang menarik.
 - (b) Bezakan penulisan untuk radio dan penulisan untuk akhbar.
 - (c) Huraikan 5 peralatan asas yang perlu ada untuk menjalankan satu rakaman di studio penyiaran.
 - (d) Jelaskan tiga kriteria yang harus dipertimbangkan untuk memilih item-item berita.
 - (e) Jelaskan tiga kriteria yang harus dipertimbangkan apabila merancang pemilihan tetamu untuk temuramah.
 - (f) Jelaskan persediaan yang perlu dilakukan di dalam studio sebelum rakaman bermula.
 - (g) Jelaskan tiga perkara yang perlu diusahakan selepas tamat rakaman penerbitan radio.
2. Sebuah program radio berbentuk DJ bertujuan untuk memberi maklumat dan hiburan. Dengan merujuk kepada penerbitan program anda, nilaiakan kekuatan dan kelemahan segmen-segmen dan hebahan yang telah disusun untuk menjadikan rancangan anda menarik.

- 2 -

3. Anda ditugaskan untuk menjalankan satu temuramah mengenai penglibatan pelajar universiti dalam aktiviti-aktiviti politik. Sediakan satu kertas kerja yang membentangkan fokus perbincangan anda dan justifikasinya. Kertas kerja anda juga akan menetapkan dua pihak yang akan ditemuramah dan sekurang-kurangnya empat soalan yang akan dikemukakan kepada pihak-pihak tersebut.

- ooo O ooo -